

# Rangsang 64 kali ganda **sel stem?**

B/H 9/7/12 MS 2

● Dari F1

## Prosedur 30 minit

Dr Abdul Jamil berkata, masalah itu mampu di atasi menggunakan rawatan pemindahan lemak sebagai alternatif semula jadi membolehkan individu mengundur masa dan mengembalikan keremajannya, selain kehilangan jumlah lemak pada tangan mampu digantikan.

Prosedur kosmetik mengangkan kulit atau mengisi garis dan kedutan yang lazimnya dilakukan pada wajah boleh dilakukan pada tangan dengan mudah, iaitu menggunakan sejumlah kecil lemak (sel stem) yang dijumpai secara semula jadi dalam lemak yang dituai semasa pengambilan lemak pada bahagian seperti paha, pinggul atau punggung, kemudian disuntik pada belakang tangan selepas diberi ubat bius.

Sel hidup mengintegrasikan tisu yang sedia dan menjamin kelangsungan hidup dalam tempoh jangka panjang.

"Prosedur itu tidak menyakitkan cuma mengambil masa 30 minit dan boleh dilakukan dengan mengambil bius. Prosedur pemindahan lemak menghilangkan kedut, meminimumkan kemunculan urat tangan dan menyempurnakan tekstur kulit. Keputusan sering dramatik dan amat semula jadi. Ia juga dapat mengimbangi bentuk tangan, ibu jari dan buku jari," katanya.

## Kesan serta-merta

Sel stem membantu menjaga, menghidupkan lemak, merangsang kolagen dan tisu pembaikan yang rosak, sekali gus kulit kelihatan lebih muda serta cerah.

Penggunaan losyen untuk



## Proses menuai lemak di bahagian paha.

berikan kesan serta-merta dan mampu dikekalkan jangka panjang. Keputusan memuaskan dan tiada kesan sampingan," katanya sambil menambah pemindahan lemak lebih sedekad lalu digunakan di negara Barat untuk merawat penyakit batuk kering bagi mengisi ruang tertentu di bahagian muka, namun ia tidak bertahan lama.

Dr Jamil berkata, antara punca tangan susut lemak ialah disebabkan kekurangan sel stem akibat peningkatan usia hingga tangan boleh bertukar tona lebih gelap, kusam dan kurang anjal.

Keadaan bertambah teruk jika lebih kerap terdedah panahan matahari atau penyalahgunaan atau bahan pencuci tidak sesuai terutama yang mengandungi bahan kimia, toksid atau racun dan asap rokok.

Sebaik saja tangan disuntik lemak, ia memberikan kesan serta-merta. Tangan



melembap, melembutkan pergelangan tangan mungkin gagal mengatasi masalah sepenuhnya, selain memerlukan kesabaran mendapatkan keputusan sempurna, berbanding kaedah perubatan moden (pemindahan lemak) tangan nampak gebu dan anjal.

"Suntikan lemak mem-



akan kelihatan lebih lembap, kemerahan dan berisik. Tangan berkedut, kering, warna tidak sekata, urat timbul berubah menjadi lebih baik, isi ruang kosong pada tangan, kurang pigmentasi, mencerahkan kulit dan menghilangkan parut.

"Suntikan lemak bergantung kepada keperluan dan biasanya ia tidak melebihi antara tiga hingga lima ml. Suntikan itu dilakukan di bawah permukaan kulit. Sel stem seperti sel bayi yang akan menambah kuantiti sel yang kemudian menggandakan kuantitinya sebanyak 64 kali ganda.

"Lemak sel stem yang terletak di bawah (asas) kulit itu mampu berkembang serta terus berganda dalam tempoh 27 hari," katanya.



## FAKTA

## Suntik lemak

● Lebih 100 dekad pemindahan lemak untuk rawat penyakit batuk kering

● Sejak 10 tahun lalu, pemindahan lemak semakin popular untuk kecantikan

● Isikan ruang lemak pada muka, payudara, dagu serta kawasan lain pada tubuh.

● Lemak diperolehi pada bahagian punggung pangkal paha dan perut.

## Penyebab:

- Faktor usia
- Kurang keanjalan kulit
- Terdedah cuaca panas
- Cuaca sejuk
- Tidak cukup tidur
- Asap rokok
- Kesan bahan kimia / toksid